

Kepentingan Menghayati Sifat Al-Ghaniy

1

Melahirkan manusia yang sentiasa merasa cukup dengan rezeki yang dianugerahkan Allah kepadanya sehingga menyebabkan mereka tidak perlu meminta-minta daripada manusia yang lain.

2

Meyakini bahawa hanya Allah SWT yang mampu mencukupi seluruh keperluannya sama ada yang zahir mahupun yang batin.

3

Meyakini dan menyedari bahawa seluruh nikmat dan kekayaan yang dimilikinya adalah pemberian dari Allah SWT yang amat disyukurinya.

Kepentingan Menghayati Sifat Ar-Razak

Hati akan menjadi tenang dan optimis kerana yakin Allah SWT Maha Pemberi rezeki yang tidak akan menghampakan umatnya.

Sentiasa mencari rezeki Allah yang paling berharga, iaitu memperolehi keredaan Allah dan syurga-Nya yang berkekalan untuk selama-lamanya.

Mendidik diri menjadi dermawan dan tawaduk kerana yakin apa saja yang dimiliki dari harta dan ilmu semuanya anugerah dari Allah SWT.

Sentiasa bertawakal dan tidak bimbang tentang rezeki kerana yakin bahawa semua makhluk sudah ditentukan rezeki-Nya.

Semakin tinggi cintanya kepada Allah sehingga mendahulukan Allah dalam segalanya.